

Dasar Luar Malaysia Era Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak: Keutamaan Dalam Aspek Hubungan Dua Hala

Rusdi Omar & Mas Juliana Mukhtaruddin

Abstrak

Dasar luar Malaysia secara umumnya merupakan lanjutan daripada dasar dalam negeri. Dasar ini dibentuk untuk memelihara dan mempertahankan kepentingan politik, keselamatan dan ekonomi serta kepentingan utama yang lain. Ia dilihat tidak statik dan berkembang dengan mengambil kira perubahan kepimpinan serta keadaan politik dan ekonomi global yang sentiasa berubah. Kertas kerja ini akan melihat sejauhmanakah dasar luar Najib boleh menjamin kepentingan-kepentingan di atas terpelihara dan dipertahankan. Di samping itu, kertas kerja ini juga akan mengkaji sejauhmana diplomasi dua hala (hubungan dua hala) lebih signifikan berbanding dengan diplomasi pelbagai hala dalam era Najib. Diplomasi dua hala dikatakan menjadi keutamaan dalam dasar luar Malaysia dalam era Najib. Diplomasi dua hala dikatakan lebih efektif dan telus kerana hanya dua Negara yang terlibat dalam membincangkan isu-isu yang ada kena mengena di antara kedua-duanya. Di samping itu, ia dikatakan lebih efektif kerana kurangnya kerenah atau halangan yang boleh membantutkan usaha-usaha ke arah persefakan dan kerjasama antara dua buah Negara yang terlibat.

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang dilihat mempunyai kestabilan dan kekuahan dari segi kestabilan politik, pembangunan ekonomi dan sosial budaya yang harmoni. Sebagai sebuah negara yang membangun dan juga menuju era negara maju, Malaysia telah berusaha mengukuhkan

kedudukannya melalui mekanisme dasar luarnya. Dasar luar sesebuah negara lazimnya akan mencerminkan pencapaian dan juga kejayaan pentadbiran negara itu sendiri. Namun demikian ia turut dipengaruhi oleh bentuk dan orientasi dasar luar yang dijalankan oleh seseorang pemimpin di sesebuah negara. Dasar luar memainkan peranan yang penting bagi sesebuah negara, bukan sahaja kerana ia dapat menjamin kepentingan negara, malah ia juga dapat menghalang ancaman pihak luar dari mengancam keselamatan negara. Selain itu, ia juga dapat mencerminkan sikap atau pendirian sesebuah negara itu dalam hubungannya dengan negara yang lain. Ia adalah kesinambungan kepada dasar dalam negeri bertujuan untuk menjaga dan mengekalkan keselamatan, keharmonian, kesejahteraan ekonomi dan lain-lain kepentingan negara (Rusdi Omar, 2005, m/s 1).

Dasar ini dibentuk untuk memelihara dan mempertahankan kepentingan politik, keselamatan dan ekonomi serta kepentingan utama yang lain. Dasar ini didorong ke arah menggalakkan kewujudan persekitaran serantau dan antarabangsa yang harmoni yang akan memberikan ruang kepada Malaysia untuk mencapai matlamat negara tanpa gangguan daripada ancaman luar. Ia juga menggalakkan toleransi dan kerjasama dengan semua negara yang membentuk struktur dalam komuniti antarabangsa. Semenjak merdeka hingga kini, Malaysia masih meneruskan dasar luar negara yang bebas, berprinsip dan pragmatik yang berlandaskan nilai keamanan, kemanusiaan, keadilan dan kesamaan. Ia juga dibina atas rasa hormat terhadap kebebasan, kedaulatan, keutuhan wilayah dan sikap tidak mencampuri urusan negara lain, penyelesaian masalah secara aman, kewujudan bersama secara harmoni dan hubungan yang saling memanfaatkan.

Dasar luar Malaysia juga dilihat tidak statik, di mana pembentukannya merupakan satu proses yang dinamik dan berkembang dengan mengambil kira perubahan kepimpinan serta keadaan politik dan ekonomi global yang sentiasa berubah. Sejak kita mencapai kemerdekaan hingga

kini, Malaysia tidak pernah mengasingkan diri daripada masyarakat antarabangsa dan menunjukkan dasar luar yang aktif di peringkat antarabangsa dan serantau. Malaysia telah memainkan peranan yang berkesan yang berkesan dalam sistem politik antarabangsa dan setiap tindakan yang diambil adalah berkait rapat dengan dasar domestik negara, iaitu dasar mementingkan keamanan, kebebasan dan semangat kerjasama dalam perhubungan antarabangsa (INTAN, 1991, m/s 805).

EVOLUSI DASAR LUAR MALAYSIA SEPINTAS LALU

Gaya dan pendekatan dalam mengumumkan dasar luar negara Malaysia mungkin berbeza mengikut personaliti setiap Perdana Menteri Malaysia. Mengikut kajian yang dibuat oleh penyelidik-penyelidik di negara ini menunjukkan bahawa dasar luar negara Malaysia sejak 1957 memperlihatkan perkembangan yang stabil dan mempunyai ciri perubahan ketara mengikut perubahan dalam pengawasan politik Malaysia.

Dalam zaman Tunku Abdul Rahman dari 1957–1969, dasar luar Malaysia berada di tahap pengasasan dan pengembangan, di mana iaanya didorong ke arah kelangsungan hidup negara yang baru merdeka. Dasar luar negara kita pada waktu itu ternyata bersifat antikomunis dan pro-Barat dengan hubungan yang rapat dengan negara-negara Komanwel. Pendekatan ini juga bersumberkan pengaruh keperibadian Tunku yang begitu pro-Barat dan antikomunis, selain situasi dan kondisi politik domestik yang kurang stabil ketika itu (Faridah Jaafar, 2007). Kita juga menentang kuat dasar *Apartheid*. Pendirian kita tentang kerjasama serantau juga mula bertapak dengan kemunculan ASA (1960), MAPHILINDO (1963) dan ASEAN (1967).

Era pemerintahan Perdana Menteri Kedua Malaysia dari 1970–1976, di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak memperlihatkan keupayaan mendalam beliau mengendalikan hubungan luar Malaysia mengikut arus perubahan. Malaysia telah menganggotai Pertubuhan Persidangan Islam

(OIC) dan mula mengenalkan dirinya sebagai sebuah “Negara Islam”. Beliau telah merintis usaha ke arah peneutralan dasar luar Malaysia dengan menjalinkan hubungan diplomatik dengan hampir semua negara tanpa mengira ideologi. Pencarian negara rakan baru secara besar-besaran meningkatkan kepentingan Negara-negara Berkecuali (Non-Alignment Movement) kepada Malaysia. Kita dikenali sebagai negara berkecuali dan terdorong ke arah kekecualian, kewujudan bersama secara harmoni dan kebebasan. Kita juga mula menjauhkan diri daripada kuasa utama dunia, menekankan semangat serantau dan membina hubungan dan hubungan diplomatik dengan negara komunis. Pelaburan daripada negara selain British juga mula dialu-alukan. Beliau juga telah mengadakan penyelarasan dalam aspek politik, ekonomi, dan dasar pertahanan bagi memenuhi tuntutan strategik negara.

Tempoh penggabungan di bawah pemerintahan Tun Hussein Onn (1976–1981) dengan ASEAN menjadi asas dalam dasar luar negara Malaysia akibat daripada kejatuhan Saigon (kini Bandar Ho Chi Minh) pada tahun 1975, pengunduran Tentera AS dari Asia Tenggara dan pencerobohan Kampuchea (kini Kemboja) oleh Vietnam. Sidang Kemuncak ASEAN yang pertama diadakan dan Malaysia menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Bali pada tahun 1976. Penekanan yang lebih tegas turut dibuat ke atas kebebasan, kekecualian dan kedudukan yang sama dengan kuasa utama dunia. Dalam tempoh ini, beliau lebih banyak mengekalkan dan meneruskan dasar yang telah diasaskan oleh pemimpin sebelumnya. Dasar luar Malaysia dalam tempoh ini menunjukkan era pengukuhan, di mana kita tidak memihak kepada mana-mana negara. Hal ini bertepatan dengan lingkungan global ketika itu yang sedang bergerak ke arah pengenduran hubungan tegang di antara negara-negara yang sedang berkonflik.

Perubahan yang lebih ketara terjadi apabila Tun Dr. Mahathir Mohammad mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri yang keempat pada tahun 1981 (1981-2003). Pendirian dasar luar negara

Malaysia lebih banyak berorientasikan ekonomi daripada sebelum ini, ditambah dengan pembelaan yang kuat dan bersemangat kebangsaan untuk hak, kepentingan dan aspirasi negara membangun serta sokongan daripada Kerjasama Selatan-selatan. Sebelum ini, dasar luar Malaysia menjadikan Barat sebagai role-model, tetapi dalam era Mahathir, beliau membuat perubahan yang drastik dengan menjadikan Timur sebagai role-model. Ini merupakan satu pembaharuan yang sangar nyata dalam pemerintahan Malaysia dan menarik perhatian dunia khususnya, Barat (Zulhilmi Paidi & Asrar, 2003, m/s 134). Kepimpinan Tun Dr. Mahathir menunjukkan pelbagai inisiatif baru diusahakan, contohnya:

Pelbagai Inisiatif Baru yang Diusahakan:

- Antartika sebagai warisan bersama dunia.
- Dasar Pandang ke Timur (LEP).
- Berjuang untuk negara membangun dalam isu utama seperti alam sekitar, hak asasi manusia dan demokrasi.
- Dengan kemunculan globalisasi, mengenal pasti kesan baik dan buruk globalisasi terhadap negara membangun.
- Pendekatan yang proaktif dan bersungguh-sungguh dalam isu Aparteid dan Palestin.
- Perpaduan Islam – Mempengerusikan dan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak OIC ke-10, tuan rumah Ekspo OIC Pertama, membentuk D-8.
- Keamanan dan keselamatan antarabangsa – Malaysia menganggotai UNSC, peranan sebagai pengaman di beberapa buah negara seperti Kemboja, Somalia, Bosnia, Kosovo, Namibia dan Timur Leste. Malaysia turut giat menentang sikap pilih kasih, berat sebelah dan tindakan pintas di luar lingkungan PBB.
- Keganasan – Malaysia menerapkan kerjasama antarabangsa serantau yang kukuh untuk membanteras keganasan, menentang kuat menyalahkan agama atau kaum, menyarankan pelbagai

aspek pendekatan dalam membanteras keganasan termasuk mengenal pasti dan menghapuskan penyebabnya, menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-menteri Luar OIC berkenaan Keganasan pada tahun 2002, menubuhkan SEARCCT yang memberikan tumpuan utama kepada latihan dan pembinaan keupayaan.

Membuka Sempadan Baru:

- Mengadakan hubungan dua hala secara aktif dengan negara Afrika, Amerika Latin dan Eropah Timur, terutamanya dalam perdagangan, pelaburan dan pemindahan teknologi dengan semangat Kerjasama Selatan-Selatan. Termasuk juga membuka Perwakilan Diplomatik dan lanjutan kepada Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) di negara ini.

Berorientasikan Ekonomi:

- Kerjasama Ekonomi Asia Timur (daripada EAEG kepada EAEC kepada ASEAN +3).
- Kerjasama Pembangunan Serantau – Konsep Segi Tiga Pertumbuhan, seperti, IMTGT, IMSGT, BIMP-EAGA.
- Kumpulan G-15 (G15) – pelaksanaannya dimulakan oleh Malaysia.
- Diplomasi Ekonomi – pelaburan ke luar negara dengan prinsip ‘makmurkan jiran anda’, Kerjasama Selatan-Selatan, MIGHT, Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID).

Dasar luar Malaysia di bawah kepimpinan YAB Tun Abdullah Ahmad Badawi dari 2003-2009 disifatkan telah melalui proses evolusi yang dinamik. Beliau meneruskan kesinambungan dasar luar Malaysia era Perdana Menteri sebelumnya di samping memperhalusi dan mengkonsolidasi dasar luar sedia ada. Di bawah kepimpinan beliau, inisiatif dasar luar negara terus diperhalus untuk memperlihatkan:

- Respons pragmatik dalam menyahut cabaran geopolitik dan ekonomi semasa pandangan Malaysia disampaikan dengan lebih jelas.
- Keteguhan sebagai lanjutan dinamik kepada dasar sedia ada.
- Peranan kepimpinan yang berpengaruh sebagai Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan ASEAN; dan
- Malaysia sebagai contoh terkemuka sebuah negara Islam yang bertoleransi dan progresif – Islam Hadhari

Oleh itu, perkembangan dasar luar negara di bawah kepimpinan perdana menteri yang silih berganti ini menunjukkan tindak balas pragmatik terhadap perubahan geopolitik dan ekonomi pada tempoh tersebut. Untuk terus relevan dengan keperluan negara, dasar luar negara tidak boleh statik. Walaupun perubahan dalam keutamaan menjadi ciri asas bagi dasar luar negara Malaysia, namun kesinambungan juga jelas kelihatan. Perubahan dan kesinambungan ini memperlihatkan tahap keyakinan dan kematangan negara yang lebih tinggi dalam mengendalikan hubungan antarabangsa. Malah, kepimpinan Malaysia turut diiktiraf dalam pelbagai isu yang menarik minat negara membangun.

DASAR LUAR ERA DATO' SERI MOHD NAJIB TUN RAZAK

Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak telah menjadi Perdana Menteri Malaysia Ke-6 pada 3 April 2009 menggantikan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Dalam era pemerintahan beliau sebagai Perdana Menteri, beliau telah mengorak langkah ke hadapan dengan menekankan kepada dasar luar yang lebih proaktif dan dinamik berbanding era Tun Abdullah. Beliau meneruskan dasar luar yang kukuh yang membantu mewujudkan ekonomi yang mantap, dinamik dan mudah pulih. Penekanan diberikan dalam kerjasama serantau, terutama dengan ASEAN, OIC, NAM dan sebagainya. Di samping itu, beliau juga menekankan peri penting dalam menjalinkan hubungan dua hala (diplomasi dua hala) dengan Negara-negara yang merupakan negara '*trading partner*' dengan Malaysia,

terutamanya dalam bidang ekonomi, seperti China, Jepun, Singapura, Amerika Syarikat dan sebagainya.

HUBUNGAN DUA HALA (DIPLOMASI DUA HALA)

Mewujudkan hubungan dua hala yang mesra dengan negara jiran terus menjadi keutamaan Malaysia dalam era Najib. Pendekatan yang membina diambil untuk menyelesaikan masalah yang masih belum terlerai termasuklah yang berkaitan dengan tuntutan bertindih dan penetapan sempadan tanah dan maritim. Setiap usaha diplomatik dilaksanakan untuk memastikan hubungan dua hala dengan semua negara jiran tidak terjejas akibat masalah tersebut. Persetujuan untuk merujuk kepada ICJ berkaitan tuntutan pertindahan wilayah menunjukkan sejauh mana kita bersedia untuk mencari penyelesaian bagi masalah dua hala.

Hubungan dua hala (bilateral relations) atau dikenali juga sebagai diplomasi dua hala (bilateral diplomacy) ialah hubungan atau diplomasi yang dilakukan secara dua hala atau antara dua buah negara sahaja. Ia merupakan jenis hubungan atau diplomasi yang paling lama dilaksanakan sejak adanya konsep negara-bangsa dan interaksi antara negara-negara ini. Diplomasi jenis ini dikatakan lebih efektif dan telus kerana hanya dua negara yang terlibat membincangkan isu yang hanya ada kena mengena di antara kedua-duanya. Ia juga dikatakan lebih efektif kerana kurangnya kerentak dan halangan yang boleh membantutkan usaha-usaha ke arah persefakan dan kerjasama. Diplomasi jenis ini lebih mudah diuruskan kerana ianya melibatkan dua buah negara sahaja dan segala permasalahan dapat diselesaikan secara perundingan atau perbincangan bersama sekiranya kedua-dua negara berada dalam situasi hubungan yang baik. Namun begitu, diplomasi dua hala ini sukar dilaksanakan dalam situasi tegang, iaitu ketika wujudnya ketidaksefahaman di antara kedua-dua negara. Oleh itu, mereka memerlukan pihak ketiga atau pihak luar untuk menjadi mediator (pemudahcara) bagi membantu menyelesaikan permasalahan tersebut.

Penubuhan suruhanjaya bersama antara Malaysia dengan Brunei, Indonesia, Filipina, Thailand, Laos dan Vietnam juga menyediakan rangka yang berguna untuk mewujudkan kerjasama dua hala yang lebih luas dalam semua bidang yang memanfaatkan kedua-dua pihak. Walaupun tumpuan utama Malaysia dengan negara luar lebih tertumpu kepada negara ASEAN, hubungannya dengan negara dan rantau lain tidak kurang pentingnya. Perwakilan Diplomatik negara yang pertama telah ditubuhkan di London, Washington, Canberra, New York, New Delhi, Jakarta dan Bangkok. Seterusnya, menjelang tahun 1963, Malaysia telah menubuhkan 14 buah Perwakilan Diplomatik di luar negari. Bilangannya terus bertambah menjadi 21 pada tahun 1966. Pada hari ini, Malaysia mempunyai 105 perwakilan diplomatik di serata dunia. Bukti membanggakan yang menunjukkan sejauh mana hubungan dua hala Malaysia berkembang dalam tempoh beberapa tahun seiring dengan kemajuan negara.

Dalam hal ini, Malaysia meletakkan kepentingan yang sama kepada hubungan dengan negara Asia, Afrika, Timur Tengah dan Amerika Latin yang lain dan akan terus memantapkan dan mempertingkatkan hubungan kukuh yang sedia ada dengan rantau tersebut. Hubungan dua hala dengan negara Asia, Afrika, Timur Tengah dan Amerika Latin yang lain akan diteruskan tanpa mengetepikan rakan ekonomi kita yang lama di Eropah dan Amerika. Jepun, Kesatuan Eropah, AS, Australia dan Republik Korea akan terus menjadi rakan dagang Malaysia yang utama dan juga sumber pelaburan dan teknologi.

Satu-satunya pengecualian ialah Israel. Seperti negara lain, Malaysia turut prihatin tentang ketegangan dan konflik yang berterusan di Timur Tengah, seperti konflik Palestin-Israel yang terus menemui jalan buntu. Sebagai menunjukkan keprihatinannya, Malaysia hanya akan menimbangkan untuk memulakan hubungan dengan Israel apabila perjanjian damai yang menyeluruh antara Israel dengan rakyat Palestin berjaya dimuktamadkan. Begitu juga, Malaysia tidak berhasrat untuk

mengurangkan hubungan yang telah lama terjalin dengan Barat. Tidak ada percanggahan antara kritikan wajar yang dibuat oleh Malaysia terhadap negara Barat dalam isu tertentu dengan penerimaan negara Barat sebagai pasaran untuk produk dan sumber pelaburan di negara kita. Peluasan negara Eropah bukanlah satu-satunya tumpuan Malaysia dalam meningkatkan hubungan, tetapi juga hubungan ASEAN dengan negara sahabatnya di Eropah melalui ASEM atau hubungan ASEAN yang serupa dengan benua Amerika melalui APEC.

Selain ASEAN, Malaysia banyak memberikan tumpuan kepada hubungan dengan negara di Asia Timur. Sebagai penyokong kuat kerjasama serantau, China sentiasa menjadi rakan kuat ASEAN. Sokongan padu China yang membantu rantau ini mengatasi krisis kewangan dan ekonomi pada tahun 1997. China dijangka memegang peranan utama dan positif dalam mengukuhkan hubungan antara ASEAN dengan Asia Timur. Hubungan dua hala kita dengan Jepun dan Republik Korea juga sama pentingnya. Kita berharap suatu hari nanti, kedua-dua negara ini akan bersepadu. Begitu juga halnya, "Dasar Satu China" yang kita terima pakai, di samping meneruskan hubungan ekonomi yang erat dengan Taiwan bukanlah suatu paradox, tetapi menggambarkan sikap pragmatik kita dalam menghadapi kenyataan (<http://www.kln.gov.my>).

China

Hubungan dua hala Malaysia-China telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam tempoh tiga dekad yang lalu. Hubungan diplomatik yang terjalin antara kedua-dua negara ini bukan hanya dalam aspek keselamatan dan kepentingan politik sahaja tetapi kini ianya merangkumi aspek ekonomi, sosial dan sebagainya. Hubungan diplomatik yang lebih formal ini telah wujud lebih 35 tahun yang lalu semasa zaman Tun Razak Hussein dan diteruskan oleh Perdana Menteri Malaysia selepasnya sehingga kepada Dato' Seri Najib Tun Razak.

Dato' Seri Najib Tun Razak telah meneruskan kesinambungan usaha bapa beliau, Tun Razak Hussein dalam usaha menjalinkan hubungan dua hala antara Malaysia dan China. Beliau telah menyatakan akan membawa hubungan kedua-kedua negara ke suatu peringkat yang jauh lebih tinggi dari sebelumnya. Beliau menyatakan bahawa China kini dianggap sebagai negara gergasi dan memainkan peranan penting dalam menangani kemelut ekonomi dunia. Beliau melihat bahawa China merupakan negara '*trading partner*' yang penting dalam pembangunan ekonomi negara Malaysia (Lim Tin Seng, 2009). Lagi, hubungan akrab yang wujud selama 35 tahun antara Malaysia dan China adalah berasaskan kepada keyakinan antara pemimpin kedua-dua negara tersebut.

Beliau menyatakan bahawa China bukan merupakan ancaman kepada rantau Asia tetapi merupakan rakan penting untuk menjalinkan kerjasama dalam pelbagai bidang. Berdasarkan sejarah, China tidak pernah menggunakan kekuatan tentera untuk mengancam atau menakluki negara lain sebaliknya lebih menumpukan kepada usaha menjalin persahabatan dan perdagangan. Pengalaman Malaysia pula jalinan persahabatan dengan China bermula sejak era Dinasti Ming dan terus diperkuuhkan melalui lawatan bersejarah Allahyarham bapanya, Tun Abdul Razak Hussein pada tahun 1974.

Mengenai hubungan dua hala antara China dan Malaysia, Ianya mempunyai banyak persamaan daripada segi mereka berkongsi aspirasi dan objektif yang sama untuk memastikan keamanan dan kestabilan berkekalan di rantau ini. China, sebagai contoh telah menunjukkan kepada dunia bahawa ia adalah kuasa ekonomi yang bertanggungjawab apabila ia mendapat penghargaan dan kepercayaan negara-negara Asia semasa krisis kewangan 1997-1998 dengan tidak menurunkan nilai mata wangnya. Jika ia berbuat demikian, ia pasti memburukkan lagi keadaan di negara-negara yang terjejas termasuk Malaysia. Malaysia dan China boleh bekerjasama dalam menangani kemelesetan ekonomi global dan terdapat beberapa cara perkara itu dapat dilakukan. Ini termasuk

memastikan permintaan domestik di Malaysia dan China kekal tinggi kerana peningkatan dalam permintaan domestik China akan membantu sektor eksport negara-negara di rantau ini dan pemulihan mereka.

Di samping itu, perdagangan dua hala antara Malaysia dan China mencecah \$39.06 bilion pada 2008, meningkat sebanyak 10.3 peratus berbanding dengan 2007. Perdagangan dua hala adalah kurang daripada \$100 juta pada 1974 apabila Tun Razak melakukan lawatan bersejarah itu. China kini rakan perdagangan keempat terbesar Malaysia dan pasaran eksport keempat terbesar. Kebanyakan import Malaysia adalah dari China. China juga merupakan destinasi penting bagi pelaburan Malaysia. Tahun lepas, Malaysia merupakan pelabur asing ke-19 terbesar di China. Terdapat juga banyak peluang bagi pelabur China di Malaysia di mana kita mengalu-alukan mereka dan menggalakkan penyertaan mereka dalam kejayaan negara kita. Mengenai pembaharuan sektor perkhidmatan dan sektor kewangan yang diumumkan oleh Dato' Seri Najib baru-baru ini dalam dua pakej rangsangan ekonomi, langkah itu juga akan menjadikan pelaburan asing lebih mudah dan lebih menarik di Malaysia. Jadi, langkah ini dijangka akan memperlihatkan peningkatan jumlah dan profil pelaburan China di Malaysia di masa depan.

Hubungan dua hala antara Malaysia dan China turut dicirikan oleh hubungan peribadi yang baik antara pemimpin dan masyarakat perniagaan serta juga lawatan secara tetap di semua peringkat. Beliau menyatakan bahawa hubungan antara rakyat dengan rakyat juga bertambah baik dengan Malaysia kini menjadi destinasi utama pelancong China. Tahun 2009, lebih 949,800 pelancong China datang ke Malaysia dan merupakan angka kelima terbesar selepas Singapura, Indonesia, Thailand dan Brunei, iaitu jumlah terbesar dari luar ASEAN. Dengan kemudahan penerbangan terus dan pertambahan kekerapan penerbangan, jumlah pelancong China ke Malaysia pada tahun ini dijangka melebihi satu juta dan dijangka China juga merupakan destinasi penting kepada pelancong Malaysia. Dato' Seri Najib juga menyatakan kemakmuran masa depan

mana-mana negara bergantung kepada prestasi rakyatnya (Bernama.com, 2 Jun 2009).

Dengan adanya lawatan secara rasmi antara pemimpin kedua-dua negara ini, seperti lawatan rasmi Presiden China, Hu Jintao selama dua hari ke Malaysia pada tahun 2009 bagi membincangkan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara tersebut, dan juga lawatan rasmi Najib ke China pada tahun yang sama telah menunjukkan kepada kita bahawa hubungan dua hala antara Malaysia dan China di era Dato' Seri Najib ini akan lebih erat dan kukuh berbanding dengan Perdana Menteri sebelumnya.

Singapura

Hubungan Malaysia-Singapura merupakan satu hubungan yang unik di mana ianya sangat sukar untuk mencari persamaan dalam kajian hubungan dua hala antara dua buah negara. Pelbagai istilah seperti *Siam Twin* (kembar siam), *Sibling Rivalry* (persaingan adik-beradik) atau *Family Quarrel* (perkelahian keluarga) telah digunakan untuk menggambarkan hubungan dua buah negara ini, di mana ianya penuh dengan isu-isu yang sensitif yang menyebabkan hubungan dua buah negara ini menjadi renggang. Walaupun hubungan ini penuh dengan konflik tetapi dalam masa yang sama ianya saling bergantungan antara satu sama lain, terutamanya dalam aspek ekonomi. Hubungan Malaysia-Singapura merupakan hubungan antara dua buah negara yang berdaulat dan dianggap istimewa, simbiotik dan saling bergantungan disebabkan oleh faktor-faktor seperti geografi, sejarah, ideologi, ekonomi, kebudayaan dan etnik (Rusdi Omar, 2005).

Dalam era Dato' Seri Najib Tun Razak, Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif atau pendekatan bagi meningkatkan kerjasama ekonomi kedua-dua negara, antaranya dengan mengadakan kerjasama ekonomi antara syarikat-syarikat swasta kedua-dua negara dan juga kerjasama syarikat-syarikat *GLC* (syarikat berkaitan kerajaan) kedua-dua negara.

Baru-baru ini, Najib dan Lee Hsein Loong telah bersetuju untuk mengadakan kerjasama pelaburan di Iskandar Malaysia dan juga mengadakan kerjasama pelaburan di Singapura dalam memajukan tanah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di negara tersebut. Ini secara tidak langsung akan memberikan keuntungan kepada kedua-dua negara. Sekiranya projek kerjasama ini berjaya dilaksanakan, ianya akan meningkatkan dan menambah eratkan lagi hubungan persahabatan antara kedua-dua negara.

Bagi memperkuatkan dan mempereratkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura yang telah terjalin sekian lama, penekanan perlu ditumpukan kepada lawatan secara rasmi atau tidak rasmi yang melibatkan semua peringkat masyarakat, sama ada di peringkat Perdana Menteri, Menteri, pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan sebagainya. Di samping itu, kedua-dua negara juga perlu mempertingkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara mereka bagi mengembangkan ekonomi kedua-dua negara tersebut. Pelaburan kedua-dua negara perlu dipertingkatkan sama ada dengan meningkatkan pelaburan Singapura di Malaysia atau pelaburan Malaysia di Singapura.

Seterusnya, kedua-dua pemimpin negara ini perlu menggalakkan interaksi antara masyarakat kedua-dua negara bagi mengetahui scenario semasa kedua-dua negara. Dengan adanya pendekatan seperti ini, masyarakat kedua-dua negara lebih memahami permasalahan yang berlaku dan seterusnya dapat memperkuatkan semangat persaudaraan, kerjasama dan dapat menjalinkan hubungan baik antara kedua-dua mereka.

Secara keseluruhannya, hubungan Malaysia-Singapura semakin bertambah erat dan kukuh semasa era Dato' Seri Najib kerana beliau melihat negara jiran, Singapura sebagai sebuah negara '*trading partner*' yang penting kepada Malaysia. Di samping itu, beliau melihat Singapura boleh membantu meningkatkan ekonomi Malaysia terutama ekonomi di Johor dengan membuat pelaburan dalam bidang-bidang yang tertentu,

terutama di kawasan Iskandar Malaysia. Beliau melihat bahawa konsep '*prosper thy neighbours*' sangat penting dalam kita menjalinkan hubungan dua hala ini.

Jepun

Hubungan Malaysia-Jepun bukanlah suatu perkara yang baru dalam sejarah. Berdasarkan penulisan-penulisan sejarah, hubungan Malaysia-Jepun telah terjalin sejak beberapa abad yang lalu dan kini ianya lebih dominan dalam aspek hubungan perdagangan dan ekonomi serta hubungan politik dan social (Rusdi Omar, 2003). Sejarah hubungan bilateral Malaysia-Jepun yang lebih moden bermula apabila Perdana Menteri Jepun, Kishi Nobusuke melawat negara ini pada tahun 1957, iaitu selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Pada tahun 1958, Tunku Abdul Rahman telah mengadakan lawatan balas ke Jepun. Pada zaman Tunku, Malaysia telah mengadakan beberapa perjanjian ekonomi dengan negara matahari terbit tersebut. Perjanjian Perdagangan Jepun-Persekutuan Tanah Melayu merupakan perjanjian ekonomi pertama di antara kedua-dua negara dan selepas itu, kita terus mengadakan lagi beberapa perjanjian ekonomi dengan Jepun yang bertujuan untuk menjalin kerjasama dan membangunkan ekonomi negara ini.

Hubungan ekonomi Malaysia-Jepun diteruskan pada zaman pentadbiran Tun Razak apabila Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) Jepun disalurkan ke Malaysia untuk membiayai sebahagian besar projek pembangunan di Malaysia. Di bawah pentadbiran Tun Razak, Malaysia mula menerima pinjaman kewangan ketiga dari Jepun yang disalurkan untuk membiayai projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Seterusnya, hubungan ini diperkuatkan pada zaman pentadbiran Tun Hussein Onn di mana wujudnya Malaysia-Japan Economic Association (MAJECA) dan Japan-Malaysia Economic Association (JAMECA) bagi memperkuatkan lagi jalinan hubungan ekonomi kedua-dua negara.

Dalam era pemerintahan Tun Mahathir, hubungan Malaysia-Jepun mula mengorak langkah ke arah satu hubungan yang erat dan kukuh. Beliau telah memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur (DPT), iaitu satu dasar luar Malaysia yang berkiblatkan kepada negara-negara Asia Timur, terutamanya dengan negara Jepun. Pelbagai dasar dibuat dalam usaha bagi menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang sedang menuju ke arah negara maju yang disegani. Keadaan ini mendorong Malaysia menjadikan negara Jepun sebagai sebuah negara yang perlu dicontohi.

Kemajuan pembangunan ekonomi yang begitu mendadak yang mengatasi negara-negara Barat dalam jangka masa yang singkat menyebabkan pemimpin negara ini mengakui bahawa kuasa Timur juga mampu menyamai kuasa Barat dan ini secara tidak langsung mendorong kepada pelaksanaan DPT. Selepas itu juga, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah meneruskan DPT di mana beliau telah mengadakan lawatan rasmi ke Jepun dan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Jepun bagi membincangkan isu-su semasa bagi mempertingkatkan hubungan ekonomi kedua-dua negara.

Hubungan Malaysia-Jepun terus diberi perhatian utama dalam dasar luar Najib di mana beliau masih meneruskan dasar-dasar yang sedia ada. Ini boleh dilihat berdasarkan perangkaan statistik yang menunjukkan bahawa Jepun masih merupakan antara negara penyumbang penting kepada Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia. Pada tahun 2009, perdagangan dua hala Malaysia-Jepun sahaja berjumlah hampir RM109 bilion. Pada tahun tersebut, Malaysia telah mencatatkan surplus perdagangan dengan Jepun buat pertama kali dalam tempoh hampir 30 tahun.

Di bawah Model Ekonomi Baru (MEB) yang meletakkan sasaran untuk menggandakan pendapatan menjelang 2020 pasti boleh dilakukan oleh Najib dan Kerajaan Malaysia dengan menarik seberapa ramai pelabur

Jepun untuk melabur di Malaysia. Dengan adanya lawatan rasmi Najib ke Jepun dan pertemuannya dengan pemain dan peneraju utama pelaburan Jepun maka Malaysia boleh menarik dan menggalakkan FDI dari Jepun untuk datang melabur di Malaysia dan seterusnya dapat meningkatkan lagi sumber pendapatan negara (Utusan Malaysia, 20 April 2010).

Hubungan dua hala Malaysia-Jepun dari tahun 1957 sehingga kini masih menunjukkan trend yang stabil tanpa ada sebarang masalah yang boleh menjelaskan hubungan diplomatik kedua-dua negara. Di samping itu, faktor-faktor seperti kestabilan politik, persekitaran pelaburan yang kondusif dan kos operasi yang rendah di Malaysia masih menjadi perhatian utama pelabur Jepun untuk melabur di Malaysia.

Amerika Syarikat

Hubungan Malaysia-Amerika Syarikat sering dilihat sebagai hubungan antara kuasa besar dengan negara kecil dari sebuah negara Islam. Semasa Perang Dingin antara Amerika Syarikat-Rusia dan China, Amerika dilihat sebagai pelindung kepada negara kecil Malaysia. Hubungan antara kedua-dua negara ini diklasifikasikan sebagai intim dan erat. Rakyat dan pemimpin antara kedua-dua negara saling kunjung-mengunjungi. Ini jelas menunjukkan hubungan yang baik dan progressif antara kedua-dua belah pihak.

Hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat pada amnya berada pada tahap yang baik dan menunjukkan peningkatan dari masa ke semasa. Terutamanya dalam hal ini Malaysia dan Amerika Syarikat bekerjasama dalam beberapa aspek utama seperti hubungan perdagangan dua hala, kerjasama ekonomi serantau (ASEAN, APEC, WTO) serta usahasama ketenteraan dalam menangani isu keganasan samada di peringkat serantau dan antarabangsa (Pascoe, 1999). Hubungan dua hala ini bukan hanya terhad kepada beberapa perkara di atas sahaja malah kerjasama antara Malaysia dan Amerika Syarikat juga berkembang dalam aspek pendidikan, pelancongan, perbankan dan perkhidmatan.

Pada amnya hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat bukan satu fenomena baru tetapi hubungan antara kedua-dua pihak ini terjalin sejak Tanah Melayu dijajah oleh British lagi (Sodhy, 1991). Akan tetapi hubungan diplomatik yang terjalin secara rasminya semasa Malaysia mendapat kemerdekaan pada tahun 1957. Kedutaan Amerika Syarikat telah dibuka sejurus selepas Malaysia mendapat kemerdekaan dan Homer M. Byting Jr. merupakan duta pertama Amerika Syarikat ke Malaysia (Salmy, 2007).

Dalam aspek hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat walaupun dilihat sebagai stabil dan progresif akan tetapi terdapat pelbagai perubahan dalam hubungan antarabangsa hari ini. Antara faktor yang perlu diketengahkan dalam hal ini adalah dalam aspek kuasa, pemerintahan, kepimpinan, globalisasi, keselamatan, teknologi dan ekonomi. Semua perkara tersebut memberi impak terhadap hubungan dua hala yang sedia terjalin ini. Maka dengan sebab itulah terdapat berbagai tahap hubungan dua hala ini yang kadang-kalanya baik dan pada masa yang lain berada dalam ketegangan dan hal yang sama berlaku di dalam hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat.

Fokus utama adalah semasa era pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003) yang menunjukkan naik dan turun dalam hubungan dua hala ini. Ini adalah kerana terdapat percanggahan pendapat dalam menguruskan isu antarabangsa antara Malaysia dan Amerika. Ini berlaku disebabkan oleh perubahan terhadap tahap politik dan ekonomi dalam hubungan dua hala kedua-dua buah negara. Amerika Syarikat dipesada antarabangsa diakui sebagai sebuah negara kuasa besar sedangkan Malaysia adalah sebuah negara yang berada dalam lingkungan negara dunia ketiga dan sedang membangun (Sodhy, 2007).

Sehubungan dengan itu, di penghujung tahun 1980-an hingga ke pertengahan tahun 1990-an sering dikatakan tahun-tahun keemasan atau ‘golden years’ bagi Malaysia (Salmy, 2007) kerana berlakunya percambahan

dalam bidang perniagaan dan peningkatan pelaburan asing terus dan ini menunjukkan catatan pembangunan yang amat memberangsangkan. Oleh itu sejak tahun 2000 Amerika Syarikat secara berterusan merupakan sumber pelaburan asing di Malaysia seiring dengan Hongkong, Japan dan Singapura. Sebagai contoh, nilai kumulatif pelaburan asing terus Amerika Syarikat di Malaysia melebihi 20 billion dolar Amerika Syarikat yang kebanyakannya dilabur dalam sektor pembuatan elektronik dan elektrikal (Vaughn & Martin, 2007). Pada masa ini Malaysia dan Amerika Syarikat banyak menjalankan aktiviti kerjasama politik dan ekonomi yang bertujuan untuk mencapai matlamat jangka pendek dan panjang kedua-dua buah negara. Umpamanya dari segi kerjasama untuk memajukan perdagangan dan pelaburan, keselamatan serantau dan antarabangsa, pendidikan, melestarikan alam sekitar serta beberapa isu yang lain.

Seterusnya hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat dikatakan semakin meningkat sejak Tun Abdullah Badawi menerajui tumpuk pemerintahan negara pada bulan Oktober 2003. Sebagai menandakan berlakunya peningkatan dalam hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat Tun Abdullah Badawi telah melakukan kunjungan rasmi ke Amerika Syarikat pada bulan Julai 2004 dan merupakan satu daripada kejayaan dalam hubungan dua hala ini (Sodhy, 2007). Kedua-dua pemimpin negara, Tun Abdullah dan Bush dalam pertemuan tersebut telah berbincang berbagai perkara antaranya isu berkaitan hubungan dua hala terutamanya isu keganasan, perang di Iraq serta konflik Israel-Palestin. Sehubungan dengan itu Amerika Syarikat telah memperakui kepentingan peranan politik Malaysia serta perubahan dalam hubungan dua hala mereka.

Hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat terus menunjukkan peningkatan lagi dengan perlantikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-6 pada 3 haribulan April 2009. Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama telah mengucapkan tahniah

atas perlantikan tersebut dengan menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Najib dalam mengharungi cabaran serta mengambil kepentingan dari peluang-peluang ini (*The Star Online*, 17 Mei 2009). Sebagai usaha untuk mengeratkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat, Najib telah mengadakan lawatan rasmi ke Amerika Syarikat pada bulan April 2010 yang lalu.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pemimpin, Najib dan Obama bersepakat untuk saling berkerjasama dalam bidang yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara bagi kebaikan dan kepentingan bersama. Selain daripada itu, Najib dan Obama berusaha untuk memperbaiki dan meletakkan kembali hubungan Malaysia-Amerika pada kedudukan lebih memberangsangkan daripada keadaan sebelum ini yang ada kalanya tidak begitu menggembirakan di bawah pentadbiran lama. Najib yakin Obama akan lebih mengambil kira kedudukan Malaysia dalam pentadbirannya dan menjangka hubungan antara kedua-dua negara pada masa akan datang akan memasuki fasa lebih menarik dan produktif.

Sehubungan dengan itu mereka telah membincangkan pelbagai isu semasa dunia, termasuklah juga Model Ekonomi Baru (MEB) yang diumumkan oleh Najib tempoh hari yang bertujuan antara lainnya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi. Kedua-dua pemimpin itu begitu komited dalam meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara memandangkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara sangat menggalakkan. Amerika Syarikat merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia dan negara ini adalah rakan perdagangan ke-10 terbesar Amerika Syarikat (*Berita Harian*, 18 April 2010).

KESIMPULAN

Dasar Luar Malaysia Era Dato' Seri Najib Tun Razak telah memperlihatkan kesinambungan dasar luar Perdana Menteri sebelumnya, di mana Malaysia masih menekankan pendekatan dasar luar yang proaktif di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, Dato' Seri Najib

telah menekankan tentang peri pentingnya mengadakan hubungan dua hala (diplomasi dua hala) dalam pendekatan dasar luar Malaysia. Diplomasi dua hala dikatakan lebih efektif dan telus kerana ianya hanya melibatkan dua negara dalam membincangkan isu-isu yang ada kena mengena di antara kedua-dua negara tersebut. Di samping itu, ia juga dikatakan lebih efektif kerana kurangnya kerentan atau halangan yang boleh membantutkan usaha-usaha ke arah persepakatan dan kerjasama antara dua buah negara yang terlibat.

Namun demikian, walaupun wujudnya perubahan pemimpin dan pendekatan dalam dasar luar Malaysia tetapi objektif dan matlamat negara tetap sama iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dari segi ekonomi, stabil dari segi politik, dihormati oleh semua masyarakat dunia dan mampu memberikan sumbangan di arena antarabangsa. Bagi mencapai hasrat ini, Malaysia harus mempunyai dasar luar yang bukan sahaja dinamik, tetapi juga berupaya mengubah corak dan orientasinya, selaras dengan maklumbalas yang diterima oleh Kerajaan dan setimpal dengan tuntutan semasa. Dengan pendekatan ini diharapkan Malaysia akan terus mengorak langkah menuju ke arah sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Rujukan

- Faridah Jaafar. (2007). *Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957-2005*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- _____. (1991). *Malaysia Kita*. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Lim Ting Seng. (23 Jun 2009). Renewing 35 Years of Malaysia-China Relations: Najib's Visit To China. *EAI Background Briefs*. No.460. Singapore: National University of Singapore.

- Pascoe, Lynn. (1999). *Malaysia and The United States: A View From The Ground*. 20 Oktober. Asia Society Washington Center.
- Rusdi Omar. (2005). *Hubungan Malaysia-Singapura Era Mahathir*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- _____. (2003). Dasar Luar Malaysia Dalam Konteks Hubungan Malaysia-Jepun, dalam Zulhilmi Paidi & Asrar Omar. *Hubungan Luar Antarabangsa*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Salmy Hashim. (2007). 50 Years of US-Malaysia Relations: Prickly At Times But Still Strong. 17 Ogos. Bernama.com.
- Sodhy, P. (2007). "Malaysia-US Relations", dalam Baginda, A.R. (ed). *Malaysia's Foreign Policy Continuity and Change*. Malaysia: Marshall Cavendish Editions.
- Vaughn, B. & Martin, M. (2007). *Malaysia: Political, Security, Economic, and Trade Issues Considered*. Congressional Research Service Report for Congress.
- The Star Online. (2009). *Obama applauds Najib's Appointment as Prime Minister*. 17 May.
- Berita Harian. (2010). *Gerbang Baru Hubungan Malaysia-Amerika*. 18 April.
- Utusan Malaysia. (2010). *Dinamisme Hubungan Bilateral Malaysia-Jepun*. 20 April.
- <http://www.bernama.com/bernama>
- <http://www.kln.gov.my>